

01/07/2000

Muka baru MT ikrar tunai amanah

KUALA LUMPUR, Jumaat - Empat muka baru yang dilantik menganggotai Majlis Tertinggi (MT) Umno menganggap pelantikan mereka adalah satu suntikan semangat baru daripada Presiden Umno.

Serentak itu, mereka berikrar untuk menunaikan segala amanah yang bakal dipertanggungjawabkan oleh MT dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan penuh iltizam.

Timbalan Ketua Badan Perhubungan Umno Negeri Terengganu, Datuk Idris Jusoh, berkata pelantikan itu juga adalah satu pengiktirafan kepada Badan Perhubungan Terengganu yang kini diketuai oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau mengucapkan terima kasih atas kepercayaan itu dan tetap menganggap ia sebagai satu tanggungjawab dan akan terus memberi khidmat sebaik mungkin untuk kecemerlangan Umno Terengganu dan Malaysia keseluruhannya.

Idris berharap dia akan terus mendapat kerjasama daripada semua ahli Umno di negeri itu dan yakin perlantikan berkenaan tidak akan menjejaskan tugasnya di Terengganu.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Azimi Daim, 36, pula berkata pelantikannya adalah pengiktirafan kepimpinan parti terhadap sumbangan pergerakan itu dan menuntut usaha bersungguh-sungguh untuk menarik balik sokongan generasi muda.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Bahagian Kulim Bandar Baru berkata, pelantikan itu juga menuntut Pemuda menjelaskan mengenai dasar perjuangan parti kepada generasi muda agar mereka sentiasa bersama parti.

Katanya, beliau bersyukur dan mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas pelantikan itu, Ketua Pemuda, Datuk Hishammuddin Hussein dan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang membimbingnya sepanjang pembabitannya dalam politik.

Azalina Othman, 36, seorang aktivis yang lantang memperjuangkan isu wanita melahirkan rasa terkejut, tetapi gembira kerana Umno membuktikan bahawa komen seperti 'cakap tidak serupa bikin' kini sudah tidak dapat diterima lagi.

Beliau yang hanya seorang ahli biasa cawangan Raja Culan dalam Bahagian Bukit Bintang, berkata apa yang diluahkan oleh Umno selama ini terutama untuk merapatkan jurang antara generasi muda dan golongan profesional kini dijadikan kenyataan.

"Umno kini bukan lagi parti 'cakap tidak serupa bikin' sebaliknya merealisasikan segala usaha parti untuk merapatkan jurang antara generasi ... ini adalah antara usaha terbaik untuk memulihkan keyakinan rakyat terhadap Umno," katanya.

Azalina yang berkhidmat sebagai peguam berjanji akan berusaha untuk menunaikan segala amanah yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

Idris, Azimi dan Azalina adalah antara lima muka baru daripada sepuluh ahli MT yang dilantik hari ini.

Dua lagi muka baru ialah Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad dan Exco Wanita Umno, Dr Nurraesah Mohamad.

Dr Nurraesah ketika dihubungi berkata, beliau bersyukur kerana Dr Mahathir mengotakan janji untuk melantik tiga wakil wanita sebagai anggota MT.

Beliau turut berjanji akan melaksanakan amanah yang diserahkan kepadanya sebaik mungkin.

"Ini adalah satu penghargaan dan penghormatan bukan saja kepada saya tetapi kepada seluruh Wanita Umno," katanya.

Kecuali Ketua Pergerakan Wanita, Datuk Seri Rafidah Aziz, yang layak secara automatik sebagai ahli MT yang setaraf dengan jawatan naib presiden, empat calon Wanita Umno yang bertanding pada pemilihan pada Mei lalu gagal mendapat sebarang tempat.

Menyedari pentingnya kehadiran wakil Wanita di dalam jawatankuasa tertinggi parti, Dr Mahathir berjanji akan menyenaraikan sekurang-kurangnya dua kerusi bagi wakil pergerakan itu.

Bagaimanapun, agak mengejutkan apabila Naib Ketua Pergerakan itu, Datuk Shahrizat Abdul Jalil, tidak berada dalam senarai. Semua ahli yang dilantik hari ini akan menghadiri mesyuarat MT akan datang yang diadakan di Ipoh, Perak, Sabtu ini.